

# Impak Kerjasama Politik Umno-Pas Terhadap Perkembangan Islam Di Malaysia Dari Tahun 1973 Hingga 1978

Mohammad Tawfik Yaakub<sup>1</sup> & Osman Md Rasip<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

## *Progres Artikel*

Diterima: 25 April 2017

Disemak: 25 Mei 2017

Diterbit: 25 Jun 2017

\*Corresponding Author:

Mohammad Tawfik Yaakub,  
Institut Pengajian Siswazah,  
Universiti Malaya, Kuala  
Lumpur, Malaysia  
Email:  
tawfikyaakub@um.edu.my

**Abstrak:** Makalah ini membincangkan mengenai impak kerjasama politik UMNO-PAS terhadap perkembangan Islam di Malaysia dari tahun 1973 hingga 1978. Kerjasama politik yang berjaya dibentuk bermula pada tahun 1973 adalah hasil daripada kesediaan Tun Abdul Razak dengan Mohd Asri Muda yang menerajui UMNO dan PAS pada ketika itu mencetuskan perubahan corak berpolitik yang berbeza berbanding sebelumnya. Maka, kedua-dua pemimpin ini kemudiannya merintis pembentukan sebuah kerajaan yang menggabungkan UMNO dengan PAS menerusi Kerajaan Campuran pada tahun 1973 dan Kerajaan Gabungan Barisan Nasional (BN) pada tahun 1974. Hasil daripada kejayaan penubuhan kedua-dua kerajaan ini, perkembangan Islam di negara ini bertambah pesat dan dapat dimanfaatkan oleh keseluruhan orang Melayu di Malaysia. Justeru, artikel ini membincangkan secara terperinci impak kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dalam tempoh kerjasama politik berkenaan. Penyelidikan ini menggunakan kaedah temubual dan menyorot sejumlah sumber sekunder yang kemudiannya dianalisis secara deskriptif sejarah (*historical descriptive analysis*) yang lazimnya dipraktikkan dalam kajian sejarah. Hasil kajian ini mendapati terdapat impak-impak jelas terhadap perkembangan Islam di negara ini sepanjang tempoh kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dari tahun 1973 hingga 1978. Antara impak-impak tersebut ialah permulaan siaran televisyen dan radio dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, mengumandangkan suara azan, penghapusan arak dalam majlis-majlis kerajaan, penghapusan promosi dan keputusan judi di media kerajaan, penubuhan institusi Islam, pemerkasaan pendidikan Islam dan penukaran simbol institusi kerajaan. Akhirnya, artikel ini dapat dimanfaatkan oleh penyelidik-penyelidik berikutnya untuk menilai impak kerjasama politik antara UMNO dengan PAS.

**Kata kunci:** *kerjasama politik, UMNO-PAS, kerajaan campuran*

**Abstract:** This article discusses impact of UMNO-PAS political cooperation towards Islamic development in Malaysia from 1973 until 1978. The success of political cooperation in 1973 was the result of both UMNO's leader, Tun Abdul Razak and PAS's leader, Asri Muda willingness to explore a new political approach compared to what was being practiced at that time. Both leaders then started the development of a government known as the 'Cooperation Government' with the combination of UMNO and PAS in 1973 and later on, the development of the National Front's (BN) Coalition Government in 1974. The Islamic religion benefits the most from the development of the Coalition Government which is a favourable gain for the Malays in Malaysia. Henceforth, this article will discuss in detail on the impact of the political cooperation between UMNO and PAS within the cooperation period. The methods used for this research is by interview and also by referring to secondary sources which are analyzed in a historical descriptive manner that is normally practiced in historical research. At the end of this research it is established that there are profound impacts to the Islamic religion within the UMNO-PAS cooperation period within 1973 to 1978 for example, the television and radio station

beginning starting their programmes with the recitation from Quranic verses, the promulgation of 'Adhan, alcohols are no longer served in official government's function, lottery companies are not allowed to promote and announce the lottery results in official government's media, the establishment of Islamic institution, the strengthening of Islamic education and the appropriate change in the relevant ministry's symbols. This article can be utilized by subsequent researchers who wish to study the impact of political cooperation between UMNO and PAS.

**Keywords:** *political cooperation, UMNO-PAS, cooperation government*

## Pengenalan

Persaingan politik Melayu-Islam di Malaysia telah bermula semenjak penubuhan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada 24 November 1951 yang sebelumnya merupakan Biro Hal Ehwal Agama parti United Malays National Organisation (UMNO). Selepas penubuhan PAS, hubungan kedua-dua parti tersebut sentiasa berada dalam keadaan yang tegang dan sukar untuk mewujudkan bibit-bibit kerjasama antara satu sama lain. Namun perkembangan politik Melayu-Islam di negara ini secara tiba-tiba mengalami perubahan drastik apabila teretusnya Peristiwa 13 Mei 1969. Susulan daripada peristiwa tersebut, pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS telah merintis sebuah kerjasama politik bagi memperkukuhkan dan meredakan ketegangan hubungan yang dialami oleh kedua-dua parti sebelumnya. Kerjasama politik yang dicapai oleh UMNO dengan PAS pada ketika itu bermula pada tahun 1973 sehingga 1978 menerusi penubuhan Kerajaan Campuran dan Kerajaan Gabungan Barisan Nasional (BN). Dalam tempoh kerjasama tersebut, pelbagai impak terhadap perkembangan syiar Islam yang menguntungkan orang Melayu di negara ini telah dicapai. Oleh demikian, artikel ini menilai impak-impak perkembangan Islam yang telah dicapai menerusi kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dalam tempoh tersebut.

## Kerangka Teoritik

Deutsch (1949) memperkenalkan pendekatan kerjasama sebagai alat analisis untuk menilai hubungan yang wujud antara dua aktor dan seterusnya. Sarjana ini mendefinisikan terminologi kerjasama sebagai kepercayaan aktor-aktor terhadap matlamat mereka yang saling berkaitan dan seterusnya dapat memberikan impak besar terhadap pembentukan hubungan dan interaksi antara satu sama lain. Takrifan tersebut dibentuk daripada dua gagasan idea iaitu kebergantungan aktor-aktor yang memiliki matlamat yang sama dan melibatkan tindakbalasnya dalam situasi yang tertentu.

Terdapat tujuh ciri kerjasama yang dikemukakan oleh Deutsch (1949) iaitu komunikasi yang efektif (*effective communication*) yang dicapai menerusi

pertemuan, perbincangan dan perundingan. Kedua, nilai-nilai persahabatan, sikap yang terbuka, membantu dan tidak menghalang kepada proses perbincangan (*friendliness, helpfulness, and less obstructiveness*). Ketiga-tiga nilai ini penting bagi memastikan setiap aktor berpuas hati dengan proses kerjasama yang menggalakkan penyertaan dan penyelesaian melibatkan ahli-ahli organisasi. Ketiga wujudnya koordinasi tanggungjawab dan tugas yang baik (*coordination of effort, division of labor, orientation to task achievement*) menerusi pembahagian tenaga kerja, usaha-usaha kerjasama yang tersusun dan perkongsian sumber. Keempat, menerima pandangan dan mempunyai asas kepercayaan yang sama (*feeling of agreement with the ideas of others and a sense of basic similarity in beliefs*) iaitu keyakinan terhadap idea yang dikemukakan oleh satu pihak dan mampu mempengaruhi pihak yang lain untuk bersetuju dengan mereka. Kelima, mengiktiraf dan menghormati pihak yang lain (*recognizing and respecting the other*) menerusi pemberian peluang kepada permintaan yang dikemukakan oleh aktor-aktor yang terlibat. Keenam, setiap aktor perlu bersedia untuk memperkukuhkan kuasa menerusi pengembangan idea (*willingness to enhance the others power to accomplish the others goal increase*). Ketujuh, berkongsi dan menyelesaikan masalah atas dasar kepentingan bersama (*defining conflicting interest as a mutual problem to be solved by collaborative effort*) iaitu penilaian semula percanggahan masalah antara satu sama lain sebagai pemangkin kepada pembentukan kerjasama (Deutsch 2006:24-27).

## Metodologi

Makalah ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif menerusi pengumpulan data dan maklumat daripada sumber primer dan sekunder. Data-data daripada sumber primer diperolehi menerusi temubual separa berstruktur dengan lima informan yang dipilih dalam kalangan pemimpin UMNO dan PAS. Maklumat daripada sumber sekunder diperolehi daripada buku dan artikel jurnal berkaitan kerjasama politik UMNO dengan PAS yang terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya,

Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia.

### Keputusan & Perbincangan

Sepanjang tempoh kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dalam pembentukan Kerajaan Campuran dan BN, terdapat pelbagai impak yang melonjakkan perkembangan Islam dan memberi manfaat besar kepada orang Melayu di negara ini. Lonjakan perkembangan syiar Islam tersebut bermula setelah PAS bersetuju membentuk Kerajaan Campuran dengan PERIKATAN pada 1 Januari 1973 (Farish Noor 2004:252-254). Di peringkat awal penubuhan Kerajaan Campuran, PAS yang merupakan sebahagian daripada kerajaan telah berjaya melaksanakan penyiaran azan dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran di stesen televisyen dan radio milik kerajaan. Kejayaan tersebut merupakan hasil permintaan dan perundingan antara Menteri PAS dengan Menteri Penerangan Abdul Taib Mahmud.<sup>1</sup> Di samping itu, satu pertemuan telah berlaku antara Mustapha Ali dengan Abdul Taib bagi memohon untuk menghapuskan iklan menamatkan iklan dan keputusan perjudian seperti Sport Toto dalam televisyen. Permintaan berkenaan telah direalisasikan oleh Menteri yang sama, sekaligus dapat mengurangkan promosi kegiatan perjudian dalam kalangan orang Melayu-Islam ketika itu.

Di samping itu, ketika Mohd Asri Muda memegang jawatan sebagai Menteri, beliau telah mencadangkan kepada Tun Abdul Razak agar hidangan arak dihentikan dalam majlis-majlis keramaian kerajaan. Cadangan beliau telah diterima dan dilaksanakan oleh Tun Abdul Razak secara beransur-ansur kerana hidangan arak dalam majlis keramaian telah lama dipraktikkan dan adalah sukar untuk dihapuskan serta merta. Penyerahan PAS dalam kerajaan pada ketika itu juga merupakan peluang kepadanya untuk merealisasikan undang-undang Syariah khususnya Hudud yang telah lama diperjuangkan sebelum ini. Oleh demikian, Mustapha Ali selaku Timbalan Menteri yang dilantik mewakili PAS telah bertemu dan berbincang dengan Tan Sri Abdul Kadir Yusof selaku Menteri Undang-undang dan Peguam Negara mengenai hal berkenaan. Dalam pertemuan tersebut, Tan Sri Abdul Kadir Yusof menjelaskan bahawa cadangan PAS tersebut perlu dikemukakan melalui Kabinet dan beliau memahami kehendak PAS berkenaan hal tersebut. Namun beliau menegaskan pelbagai proses yang sukar dan memakan masa yang panjang perlu dilalui untuk melaksanakannya.

Meskipun sukar dilaksanakan dalam tempoh terdekat, beliau memberi bersetuju untuk mengarahkan pegawai-pegawai di Jabatan Peguam Negara ini menyemak dan menilai perundangan sedia ada di negara ini.

Semasa di bawah pentadbiran Kerajaan Campuran juga, PAS telah berusaha mempromosi imej Islam dengan melakukan perubahan yang bercorak kosmetik. Misalnya Abu Bakar Omar selaku Timbalan Menteri Kesihatan pada ketika itu telah bertindak mengarahkan simbol palang (*cross*) di Kementerian Kesihatan ditukarkan kepada simbol bulan bintang. Meskipun tindakan yang dilakukan oleh wakil PAS tersebut dilihat tidak memberi kesan yang besar terhadap polisi, namun PAS berjaya menyampaikan dan melaksanakan matlamat mengarusperdanakan Islam yang telah lama diperjuangkannya<sup>2</sup>. Pada masa yang sama, kesediaan UMNO menerima cadangan dan tindakan PAS mengubah simbol palang pada logo Kementerian Kesihatan pada ketika itu memperlihatkan keterbukaannya sepanjang tempoh kerjasama politik tersebut berlangsung.

Pembentukan Kerajaan Gabungan BN pada tahun 1974 juga turut memberi sumbangan besar terhadap perkembangan Islam di negara ini dan dapat di manfaatkan secara keseluruhannya oleh orang Melayu. Misalnya pada, 25 Januari 1974 kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) yang berperanan menyelaras tugas-tugas dakwah di negara ini. Penubuhan YADIM pada ketika itu merupakan satu usaha kerajaan untuk mewujudkan sebuah institusi dakwah Islam yang formal kali pertama di negara ini. Malah penubuhannya memperlihatkan kepedulian UMNO mengenai hal ehwal Islam dan sekaligus mengarusperdanakan perjuangan PAS. Kerjasama politik yang semakin erat antara UMNO dengan PAS telah memberi cetusan idea kepada Tun Abdul Razak untuk menggandingkan pemimpin-pemimpin daripada kedua-dua parti untuk menerajui YADIM. Oleh demikian, beliau telah melantik Syed Nasir Ismail dan Hassan Adli masing-masing sebagai Pengerusi dan timbalan untuk menerajui institusi berkenaan. Di samping itu, Tun Abdul Razak turut memperkasakan peranan badan-badan Islam seperti Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS) sebagai institusi induk yang mengelola hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan. Malah, peranan BAHIES semakin berkembang semasa badan berkenaan diterajui oleh Mohd Yusof Noor apabila dinaiktaraf pada

<sup>1</sup>Sumber maklumat ini diperolehi daripada Mustapha Ali yang ditemubual pada tarikh 12 Disember 2016 bertempat di Pejabat Urusan Harakah, Jalan Pahang Kuala Lumpur. Beliau pada ketika itu merupakan pemimpin Dewan Pemuda PAS.

<sup>2</sup>Sesi temubual ke atas Dr. Daeng Sanusi Mariok telah diadakan pada tarikh 31 Oktober 2016 bertempat di rumahnya Sungai Merab Dalam, Kajang, Selangor. Beliau merupakan bekas Naib Yang di-Pertua PAS pada tahun 1977.

1 Januari 1997 sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).<sup>3</sup>

Perkembangan Islam yang pesat turut berlaku dalam aspek pendidikan sepanjang tempoh lima tahun kerjasama politik antara UMNO dengan PAS berlangsung. Perubahan ini dilakukan oleh Mohd Asri Muda menerusi pembentukan pengiriman guru-guru agama ke kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bagi mewujudkan sebuah sistem pendidikan Islam yang formal. Pada asalnya, cadangan ini telah dikemukakan oleh PAS kepada Mohd Asri Muda untuk dipertimbangkan dan kemudiannya berjaya dilaksanakan dengan mudah kerana badan tersebut di bawah bidang kuasa pentadbirannya sebagai Menteri. Malah usaha yang dipelopori oleh PAS pada ketika itu telah berjaya bakat kepimpinan parti apabila terdapat seorang bekas guru agama FELDA pada ketika itu iaitu Hashim Jasin telah dilantik sebagai Mursyidul Am. Di samping itu, PAS telah menggunakan kesempatannya bersama BN untuk memperkasakan aliran pendidikan agama menerusi peningkatan kerjaya dan bilangan tenaga pengajar yang sedia ada. Tindakan tersebut dilaksanakan menerusi pembelaan kebajikan guru-guru agama khususnya di Kelantan yang sebelumnya menghadapi masalah daripada segi ganjaran semasa berkhidmat dan masa depan mereka. Oleh demikian usaha telah dilakukan dengan menyerap mereka masuk ke dalam perkhidmatan kerajaan, menyelaraskan semula tangga gaji dan memberikan pengiktirafan empat *thanawi* kepada guru-guru yang tidak mempunyai sijil dan ijazah (Mohd Asri Muda 1993:99-100). Langkah yang dilakukan kerajaan ini telah meningkatkan semula profesion perguruan dalam aliran agama yang sebelumnya tidak mendapat perhatian khusus daripada pihak kerajaan Persekutuan.

Bagi memastikan profesion perguruan dan kualiti akademik yang dihasilkan oleh guru-guru mencapai tahap yang sama seperti guru-guru daripada aliran akademik lain, PAS telah mencadangkan agar sebuah institusi perguruan Islam pertama ditubuhkan oleh pihak kerajaan. Oleh demikian, institusi perguruan yang dinamakan sebagai Maktab Perguruan Islam telah ditubuhkan pada bulan November tahun 1977 di Bangi dan diketui oleh Muhyiddin Musa. Berdasarkan kepada hasil temu bual dengan Mustapha Ali, beliau menyatakan bahawa pengetua maktab yang pertama memaklumkan penubuhan institusi tersebut adalah hasil desakan parti PAS. Malah menurutnya lagi, kerajaan

akan melengahkan penubuhan institusi tersebut sekiranya tidak didesak oleh PAS pada waktu tersebut.<sup>4</sup>

Meskipun UMNO yang menjadi teras kepada Kerajaan Campuran dan BN cuba mengelak untuk melaksanakan perundangan Syariah, namun usaha ke arah mewujudkan sebuah pentadbiran yang berlandaskan Islam masih lagi dilaksanakan. Misalnya pihak kerajaan telah menyelaraskan pentadbiran Mahkamah Syariah di negara ini dengan menubuhkan Majlis Hal Ehwal Islam Persekutuan. Dalam tempoh kerjasama politik tersebut juga, kerajaan turut mengambil inisiatif menubuhkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi melicinkan urusan berkaitan pentadbiran dan pengurusan agama Islam di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Malah jawatan Mufti turut diwujudkan oleh kerajaan bagi mengetuai urusan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal agama Islam di Wilayah Persekutuan. Bagi menghargai peranan PAS dalam mengelola hal ehwal agama dalam Kerajaan Persekutuan, Mohd Asri Muda selaku Yang di-Pertua PAS telah dilantik menganggotai panel pemilih Mufti pertama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Mohd Asri Muda 1993:100-102).

## Kesimpulan

Sepanjang tempoh lima tahun kerjasama politik antara UMNO dengan PAS menerusi Kerajaan Campuran dan Kerajaan Gabungan BN, pelbagai impak terhadap perkembangan Islam di negara ini telah dicapai dan dinikmati oleh orang Melayu. Pencapaian tersebut telah melonjakkan kembali kedudukan orang Melayu dan agama Islam yang sebelumnya dicabar secara terbuka oleh parti-parti politik bukan Melayu seperti DAP dan GERAKAN selepas Pilihan Raya Umum tahun 1969. Pelbagai cadangan telah dikemukakan oleh PAS semasa berada dalam kerajaan untuk meminda dan mengubah dasar yang diamalkan pentadbiran sebelumnya. Cadangan-cadangan tersebut telah diterima secara terbuka oleh Tun Abdul Razak selaku Perdana Menteri meskipun dilakukan secara berperingkat dan memerlukan tempoh masa yang lama.

Keterbukaan Tun Abdul Razak menerima cadangan dan melaksanakan cadangan-cadangan berkenaan bukan sahaja berjaya meluaskan syiar Islam di Malaysia, malah berjaya merealisasikan sebahagian perjuangan PAS yang sebelumnya tertangguh akibat perseteruan politik yang berlarutan. Hakikatnya, kerjasama politik antara UMNO dengan PAS dalam tempoh berkenaan merupakan pencapaian serampang

<sup>3</sup>Dr. Mahmud Zuhdi telah ditemubual di pejabatnya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tarikh 14 November 2016.

<sup>4</sup>Wawancara dengan Mustapha Ali pada tarikh 12 Disember 2016 bertempat di Pejabat Urusan Harakah, Jalan Pahang Kuala Lumpur.

dua mata kepada PAS iaitu memperkukuhkan kedudukan politik dan pelaksanaan matlamat politiknya.

## Rujukan

- Abu Bakar Hamzah (1992). *Parti PAS dengan tahaluf siyasinya*. Kuala Lumpur: Media Cendiakawan.
- Abu Bakar Hamzah (1992). *Kegemilangan Islam dan kedaulatan bangsa zaman UMNO-PAS bersatu*. Kuala Lumpur : Media Cendiakawan.
- Deutsch, M. 1949. A theory of cooperation and competition. *Journal of Human Relations* (2):129-151.
- Farish Noor (2014). *The Malaysian Islamic party PAS 1951-2013*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Firdaus Abdullah (1985). *Radical Malay politics: its origins and early development*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Funston, J. N. (1980). *Malay politics in Malaysia: a study of UMNO & PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann.
- Funston, N. J. (1976). The origins of Parti Islam Se-Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*, 7(01), 58-73.
- Hussin Mutalib (1990). *Islam and ethnicity in Malay politics*. Oxford: Oxford University Press.
- Hussin Mutalib (1993). *Islam in Malaysia: from revivalism to Islamic state*. Singapore: Singapore University Press.
- Ibnu Hasyim (1993). *Konflik UMNO, PAS: satu penyelesaian menurut Islam*. Kuala Lumpur: G. Edar.
- Ibrahim Ahmad (1989). *Konflik UMNO-PAS dalam isu Islamisasi*. Kuala Lumpur: IBS.
- Jamaei Hamil (2004). *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaei Hamil. 2003. Kepimpinan politik: pola kepemimpinan politik UMNO. *Akademika* 62(1):17-39.
- Joseph Chinyong Liow (2004). Political Islam in Malaysia: problematising discourse and practice in the UMNO-PAS 'Islamisation race'. *Commonwealth & Comparative Politics*, 42(2), 184-205.
- Julian C. H. Lee (2010). *Islamization and activism in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Kamarudin Jaafar (1980). *Dr. Burhanuddin Al Helmy: politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Anda.
- Kamarudin Jaffar (2001). *Zulkifli Muhammad: pemikiran dan perjuangan*. Kuala Lumpur: Ikdas.
- Lukman Thaib. 2016. Political power sharing from Islamic perspective (Tahaluf al-Siyasi Fi al-Islam): Muslim's experience in Malaysia. In *Discourse on Islamic Political Thought*, edited by Lukman Thaib, 218-222. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Lukman Thaib. 2013. Muslim politics in Malaysia and the democratization process. *British Journal of Advance Social Science (BJASS)* 3(6):45-57.
- Mahayudin Haji Yahaya (1998). *Islam di alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McAmis, D. R. (2002). *Malay Muslims: the history and challenge of resurgent Islam in Southeast Asia*. London: Eerdmans.
- Mustapha Hussain (2005). *Malay nationalism before UMNO: the memoirs of Mustapha Hussain*. Utusan Publications & Distributors.
- Mohamad Abu Bakar (1994). *Persaingan ideologi dan pemulihan tradisi*. Petaling Jaya: Gateway Publishing.
- Mohammad Abu Bakar (2000). Konservatisme dan konflik: isu kafir-mengkafir dalam politik kepartian 1955-2000, *Jurnal Pemikir*, Julai:121-159.
- Mohamed Asri Muda (1993). *Memori politik Asri: meniti arus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman (2005). *Islam dan masyarakat Melayu: peranan dan pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mustapa Mohamed (2001). *Kemelut politik Melayu*. Kuala Lumpur: Media Centre.
- Norazit Selat (1997). *Ekonomi dan politik Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Noraini Othman (2007). *Islam, Islamization and democratization: challenges and prospects*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- Wawancara dengan Mustapha Ali di Pejabat Urusan Harakah, Jalan Pahang, Kuala Lumpur, 12 Disember 2016.
- Wawancara dengan Dr. Daeng sanusi Mariok di rumahnya Sungai Merab, Kajang pada 31 Oktober 2016.
- Wawacnra dengan Dr. Mahmud Zuhdi di pejabatnya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, pada 14 November 2016.
- Wawancara dengan Tengku Razaleigh Hamzah di kediamannya iaitu nombor 20, Jalan Langgak Golf, Kuala Lumpur, pada 8 Disember 2016.